


**BERITA COVID-19** | 9: Selangor peruntuk lebih RM200 juta untuk beli vaksin | Makmal Diagnostik PBM dapat kelulusan jalankan ujian



## EKONOMI

# Eksport sektor berasaskan kayu meningkat kepada RM6.04 bilion pada suku pertama 2021



01/06/2021 06:42 PM

KUALA LUMPUR, 1 Jun – Jumlah eksport sektor berasaskan kayu meningkat 9.9 peratus kepada RM6.04 bilion pada suku pertama 2021 berbanding tempoh yang sama tahun lepas meskipun negara masih berdepan dengan krisis pandemik, kata Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC).

Ketua Pegawai Eksekutifnya Muhtar Suhaili berkata tiga pasaran utama negara ke benua Eropah, Amerika dan Oceania menunjukkan pertumbuhan eksport yang menggalakkan.

Beliau berkata pasaran eksport ke Eropah mencatat pemulihan yang memberangsangkan dengan jumlah eksport ke pasaran ketiga terbesar itu meningkat 9.9 peratus kepada RM561.2 juta.

“Ini antaranya berikutan peningkatan permintaan produk dan perabot kayu DIY daripada golongan yang bekerja dari rumah dan pembelian yang lebih dari kebiasaan disebabkan kebimbangan pengimport akan kekurangan bekalan dan kenaikan harga.

“Tiga produk utama ke pasaran tersebut adalah perabot kayu bernilai RM242.9 juta, produk kayu tanggam (RM96.5 juta) dan kayu gergaji (RM73.9 juta),” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Muhtar berkata eksport ke benua Amerika, pasaran terbesar negara melonjak 46.9 peratus kepada RM2.44 bilion.

Beliau berkata Amerika Syarikat (AS) adalah penyumbang utama di pasaran tersebut dengan pembelian lebih daripada 60 peratus daripada eksport perabot kayu negara dan meningkat 47.1 peratus kepada RM1.93 bilion.

"Pertumbuhan positif ini adalah disebabkan pakej rangsangan ekonomi di negara tersebut bagi mengurangkan beban individu dan perniagaan yang terkesan akibat pandemik COVID-19 serta pergeseran perdagangan antara AS dengan China yang secara tidak langsung membuka peluang perniagaan kepada negara-negara ASEAN termasuk Malaysia," katanya.

Beliau menambah eksport ke pasaran Oceania seperti Australia dan New Zealand turut merekodkan peningkatan 19.0 peratus kepada RM297.7 juta.

-- BERNAMA

## Kata Kunci

mtc

eksport


sektor berasaskan kayu

muhtar suhaili

## Berita Berkaitan



Proton jual 9,440 unit pada Mei



Prestasi perdagangan Malaysia menyerlah dalam kalangan ekonomi Asia Tenggara



Pelaksanaan sekatan pergerakan penuh beri kesan kepada industri eksport - Ambank

## Lagi Berita

Techfast terima kontrak bekalan daripada Wise Marine bernilai RM1.46 bilion



Pulau Pinang digesa batalkan  
Projek Tambak Laut



COVID-19: Selangor peruntuk lebih RM200 juta untuk beli vaksin

## BERNAMA

### Pertubuhan Berita Nasional Malaysia

Wisma BERNAMA  
No.28 Jalan BERNAMA  
Off Jalan Tun Razak  
50400 Kuala Lumpur  
Malaysia

+603-2693 9933 (Talian Am)

helpdesk[at]bernama.com



### Kategori

- Am
- Ekonomi
- Pasaran
- Tenaga
- Sukan
- Politik
- B Fokus
- Rencana
- Dunia
- Nam News Network (NNN)
- Tinta Minda
- Infografik
- Video
- Images
- Siaran Media
- Eksklusif
- Arkib

### Laman Mikro

- Kesihatan
- Webinar
- Ramadan

### Wilayah

- Tengah
- Utara
- Selatan
- Timur
- Sabah
- Sarawak

### Lain-lain

- Laman Korporat
- Hubungi Kami
- Produk dan Perkhidmatan
- Kerjaya@BERNAMA
- Sebutharga / Tender